



**01 MEI 2019
KEJOHANAN PETANQUE DOUBLE TERTUTUP JOHOR**

- Pasukan Petanque UTHM telah menyertai Kejohanan Petanque Double Tertutup Johor 2019 bertempat di Padang Petanque Taman Flora Batu Pahat, Johor. Pasukan Petanque UTHM telah menghantar 7 penyertaan bagi kategori Double Open yang mana ianya merupakan inisiatif pasukan dalam mengasah bakat pemain-pemain pelapis. Pencapaian terbaik pasukan adalah ke pusingan dua.

**SEPAJANG MEI 2019
SEWAAN FASILITI SUKAN**

- Perlawanan Persahabatan Bola Sepak Al-Tolha FC bersama Raja United FC pada 02 Mei 2019 jam 8.00 malam di Stadium UTHM. Ianya merupakan usaha dan inisiatif dalam menjana pendapatan serta mengoptimumkan penggunaan fasiliti sukan UTHM.



**04 HINGGA 05 MEI 2019
INDOOR ROWING CHALLENGE - ISKANDAR PUTERI
INTERNATIONAL DRAGON BOAT FESTIVAL**



- Indoor Rowing Challenge anjuran UEM Sunrise, Evo Mania Nutrition, Pusat Sukan UTHM di bawah kelolaan Pasukan Rowing Barracuda UTHM dan JoRA (Johor Rowing Association) telah berjaya mendapat penyertaan daripada IPT tempatan dan antarabangsa. Ianya merupakan usaha dalam meningkatkan pembangunan sukan rowing di Negeri Johor.

**02 HINGGA 04 MEI 2019
KEJOHANAN SILAT OLAHRAGA PIALA TIMBALAN
NAIB CANSELOR UITM 2019**

- Pasukan UTHM Blackhawk berjaya menempatkan pasukan di kedudukan keempat keseluruhan dalam Kejohanan Silat Olahraga Jemputan Antarabangsa Piala TNC HEP UiTM 2019 yang berlangsung pada 2 hingga 4 Mei lalu di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan.
- UTHM Black Hawk memenangi satu pingat emas dan empat perak.





18 MEI HINGGA 29 JUN 2019
ASIA RUGBY CHAMPIONSHIP PREMIER 2019

- Tahniah diucapkan kepada Saudara Muhammad Hafizin Aiman, Pelajar Tahun 2 Semester 2 FKMP kerana terpilih mewakili Malaysia ke Kejohanan 'ASIA RUGBY CHAMPIONSHIP PREMIER 2019' yang berlangsung di 3 negara iaitu Malaysia, Korea Selatan dan Hong Kong.



06 MEI 2019

**KEJOHANAN SILAT JEMPUTAN ANTARABANGSA
PAHANG 2019 FESTIVAL SILAT NUSANTARA 2019**

- Dua pesilat Universiti Tun Hussin Onn Malaysia (UTHM), Ahmad Nur Farhan Ahmad Nordin dan Nur Adilah Mohamad Zamri yang mewakili Pusat Sukan Tumpuan (PST) Silat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berjaya membawa pulang dua pingat gangsa di Kejohanan Silat Jemputan Antarabangsa Pahang 2019 Festival Silat Nusantara 2019 Pahang yang berlangsung di Pusat Beli-Belah Berjaya Megamall, Kuantan pada 6 Mei lalu.



11 MEI 2019

KEJOHANAN KABADDI ANTARA UNIVERSITI

- Tahniah diucapkan kepada Pasukan Kabaddi UTHM (UTHM STALLIONS) yang telah menyertai Kejohanan Kabaddi Antara IPT anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 11 Mei 2019 bertempat di Dewan Abdullah Mohd Salleh, UKM Bangi, Selangor.
- UTHM A - Tempat Ke-3
- UTHM B - Peringat Kumpulan



28 MEI 2019

**PENGHARGAAN STAF HARAPAN SEMPENA MAJLIS
PERHIMPUAN BULANAN SUKU PERTAMA 2019 HEPA**

- Tahniah diucapkan kepada En. Muhammad Yazid Abu Talib yang telah menerima Penghargaan Staf Harapan sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Suku Pertama 2019 HEPA yang telah disampaikan oleh Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, Timbalan Naib Canselor (HEPA). En. Muhammad Yazid bin Abu Talib merupakan Ketua Unit Fasiliti, Pusat Sukan Universiti.



**29 MEI 2019
MESYUARAT PENGURUS PASUKAN PELAJAR**

- Mesyuarat Pengurus Pasukan Pelajar telah diadakan pada 29 Mei 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama UTHM.
- Turut dijemput, YBrs. Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) bagi menyampaikan amanat ringkas kepada barisan pengurusan pasukan pelajar. Sesi diserikan lagi dengan merakamkan foto bersama Pusat Sukan dan seluruh barisan pengurusan pasukan pelajar UTHM.

**JUN 2019
LANTIKAN PENOLONG JURULATIH HOKI REMAJA
WANITA NEGERI JOHOR**

- Tahniah diucapkan kepada Staf PSU, En. Muhammad Najib bin Yaacob yang telah dilantik sebagai Penolong Jurulatih Liga Hoki Remaja Wanita Negeri Johor di Kejohanan "Malaysia Hockey Junior Women League". Kerjasama seperti ini penting dalam memajukan sukan di Negeri Johor seterusnya membuka laluan kepada pelajar UTHM untuk bergiat aktif dalam sukan hoki.



**13 HINGGA 14 JUN 2019
PEMILIHAN ATLET LAWN BOWLS UNTUK MASUM 2019**

- Pemilihan atlet lawn bowls UTHM telah dijalankan di turf hoki UTHM bermula pada 13 hingga 14 Jun 2019 di bawah kendalian En. Ishak bin Ayub dan Pn Azlin binti Masah selaku jurulatih UTHM.



**JUN HINGGA SEPTEMBER 2019
MEWAKILI PASUKAN TERENGGANU UNTUK MALAYSIA
PREMIER FUTSAL LEAGUE**

- Saudara Alif Mat Amin daripada pasukan Futsal UTHM telah terpilih mewakili pasukan Terengganu dalam Malaysia Premier Futsal League (MPFL) 2019. Perlawanan telah berlangsung selama 4 bulan bermula pada Jun hingga September 2019.
- Ini membuktikan bahawa UTHM berupaya melahirkan atlet-atlet yang berkualiti seterusnya menyumbang dalam meningkatkan pembangunan sukan negara.





18 JUN 2019

PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM BIL. 4, 2019

- Perhimpunan Kecergasan UTHM Bil. 4, 2019 anjuran Pusat Sukan UTHM dengan kerjasama Pejabat Pendaftar telah diadakan pada 18 Jun 2019 bertempat di Dewan Badminton UTHM.
- Ianya merupakan usaha dan inisiatif dalam meningkatkan kesedaran ke arah gaya hidup sihat seterusnya melahirkan warga UTHM yang aktif dan berkualiti.

- Kejayaan Peserta Dalam Program 5kg Challenge dan Maharaja Kurus Challenge(MKC) anjuran Pusat Sukan Universiti.

